

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. KO CHUNG SEN

TARIKH: 18 JUN 2014

SOALAN:

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) bilangan pekerja tempatan dan asing, yang telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan Perintah Gaji Minimum yang baru diperkenalkan tahun ini; dan
- (b) bilangan syarikat yang masih belum mematuhi peraturan ini dan bagaimanakah cara Kementerian menguatkuasakan polisi ini dan apakah penalti yang dikenakan kepada majikan yang tidak patuh kepada perintah ini.

PR-1322-L62523

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, polisi gaji minimum terpakai kepada semua pekerja di negara ini sama ada mereka pekerja warganegara atau pekerja asing kecuali perkhidmatan domestik. Berdasarkan perangkaan yang ada dianggarkan seramai 3.4 juta

pekerja warganegara dan pekerja asing mendapat manfaat daripada polisi gaji minimum.

2. Setakat 30 April 2014 jumlah pemeriksaan berkanun yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) adalah sebanyak 11,123 dan daripada jumlah tersebut didapati 250 (2%) majikan didapati tidak melaksanakan gaji minimum dan tindakan notis pematuhan telah dikeluarkan.

3. Di samping itu, jumlah tuntutan kes buruh berkaitan gaji minimum yang difailkan adalah sebanyak 342 kes dan daripada jumlah tersebut sebanyak 88 (26%) telah selesai dibicarakan di Mahkamah Buruh dan 257 (74%) masih dalam tindakan pegawai. Jumlah amaun tuntutan yang telah selesai adalah RM38,300.00 daripada RM5,010,358.51 yang difailkan.

5. Sekiranya majikan didapati engkar, penalti yang dikenakan kepada majikan yang melakukan kesalahan pertama, denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap pekerja dan Mahkamah boleh mengarahkan majikan membayar perbezaan antara kadar gaji minimum dengan gaji pokok dan bayaran lain. Manakala, bagi kesalahan berterusan, denda harian tidak melebihi RM1000 bagi setiap kesalahan berterusan selepas sabitan. Bagi kesalahan berulang, denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 50% amaun maksimum bagi setiap kesalahan boleh dikenakan kepada majikan